

21 MAC 2018

'Mushroom' lagi kaw

Harian Metro

PP/7273/03/2013 [032008] RM 1.50

● EDISI TENGAH
RABU 21 MAC 2018 / 3 REJAB 1439

EKSKLUSIF

CENDAWAN BERDENGUNG



Tumbuhan liar Timur Tengah ganti syabu

> Gagal dikesan melalui ujian air kencing. Dadah tumbuhan semula jadi atau lebih dikenali sebagai 'Mushroom' yang diseludup masuk dari Indonesia kini popular dalam kalangan pengunjung pusat hiburan. Dijual dalam bentuk rokok pada harga RM80 ke RM100 sebatang, ia menjadi kegilaan baru kerana mampu memberi kesan khayal atau 'high' lebih kuat berbanding ganja dan setaraf syabu, **lapor Skuad Khas Harian Metro**

> 3

HARIAN METRO

MUSHROOM

Dijual di pusat hiburan sekitar Selangor/Kuala Lumpur antara

RM80 - RM100



Daun dipercayai berasal dari Timur Afrika atau Arab



Ada versi dakwa mushroom berasal dari Amsterdam

CARA PROSES



- Daun dikeringkan
- Dicincang halus
- Campur dalam rokok atau tembakau biasa
- Dibalut dengan pembalut rokok yang boleh dibeli di kedai serbaneka

CARA PENGAMBILAN

Sedutan seperti hisap rokok



KESAN

- Lebih kuat (khayal) berbanding pengambilan ganja
- Menjadikan pengambilnya agresif
- Kesan juga setara pengambilan syabu

DISELUDUP

Diseludup ke Malaysia melalui laluan laut dari Indonesia



GRAFIK HARIAN METRO | SALIM DAMAM

Skuad Khas Harian Metro
am@hmetro.com.my

Mushroom lagi 'kaw'

Kuala Lumpur

■ Dadah baru berharga hingga RM100 sebatang sukar dikesan ujian air kencing

Kini muncul satu dadah baru daripada sejenis tumbuhan yang dipercayai diseludup masuk dari Indonesia ke negara ini yang diberi nama Mushroom dan dikatakan mampu memberi kesan khayal atau high lebih kuat berbanding ganja dan setaraf syabu.

Dadah berkenaan dikatakan popular dalam kalangan pengunjung pusat hiburan di ibu kota dan dijual dalam bentuk rokok pada harga RM80 ke RM100 sebatang.

Setakat ini, difahamkan dadah dalam bentuk daun yang banyak didapati tumbuh meliar di Timur Tengah dan negara Arab itu gagal dikesan melalui ujian air kencing ke atas mana-mana individu yang mengambilnya.

Menurut sumber, biarpun dadah berkenaan dikategorikan sebagai dadah jenis mahal namun disebabkan pengambilannya yang gagal dikesan melalui ujian air kencing menjadikannya semakin popular.

"Penjualan mushroom kini dibuatkan seperti pisang goreng panas di beberapa pusat hiburan sekitar ibu kota dan Selangor.

"Kesan pengambilannya memberikan rasa khayal lebih kuat berbanding ganja

EKSKLUSIF



Mushroom dipercayai berasal dari kawasan Timur Afrika ataupun Arab. Risikan kita mendapati, ia masuk ke Malaysia melalui laluan laut"

namun setara dengan mengambil syabu. Kini mushroom mula popular dalam kalangan kaki lalok ataupun kaki goyang," katanya.

Sumber itu berkata, kaedah pengambilan mushroom adalah sama seperti menghisap ganja ataupun rokok.

"Kesan khayal bergantung kepada jumlah sedutannya. Semakin banyak, semakin kuat rasa khayal itu," katanya.

Menjawab soalan wartawan, sumber itu berkata, pengambilan mushroom menjadikan pengambilnya lebih agresif berbanding pengu-

naan ganja.

"Ganja menjadikan pengambilnya pasif tetapi kita dapati, mushroom menjadikan individu terbahit agak agresif. Siasatan lanjut mengenainya sedang dilakukan," katanya.

Katanya, mushroom diklasifikasikan sebagai dadah jenis New Psychoactive Substance (NPS) yang gagal dikesan melalui ujian air kencing.



"Sehingga kini, tiada peralatan dimiliki pihak berkuasa yang mampu mengesan pengambilan dadah jenis ini. Alat ujian saringan air kencing yang digunakan untuk dadah jenis ganja, syabu dan lain-lain (dadah) juga gagal mengesan-nya setakat ini," katanya.

Menurutnya lagi, dadah jenis itu dipercayai diseludup masuk ke Malaysia melalui Indonesia.

"Mushroom dipercayai berasal dari kawasan Timur Afrika ataupun Arab. Risikan kita mendapati, ia (mushroom) masuk ke Malaysia melalui laluan laut. Siasatan lanjut berhu-

bung perkara itu masih dilakukan," katanya.

Katanya, dadah ini dibalut dalam kertas pembalut rokok yang boleh dibeli di kedai serbaneka sebelum dijual kepada pembeli terutama pengunjung pusat hiburan dengan mudah.

Beliau berkata, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman juga sudah memberi arahan kepada semua kontinjen untuk memantau penuliran dadah berkenaan.

"Pengumpulan maklumat mengenainya (penjualan mushroom) sedang dilakukan bagi mengenal pasti sindiket yang bertanggungjawab menyeludup dan menjual dadah berkenaan," katanya.

Sementara itu, Pengarah JSJN Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh ketika dihubungi memaklumkan pihaknya sedia maklum mengenai kewujudan dadah baharu ini dan sedang memantau penggunaannya dalam kalangan pengunjung pusat hiburan.

"Kami akan menyemak jenis dadah baru ini bagi memastikan pengedarannya tidak menular," katanya.